



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

BULETIN AGRO

CUKUP DAN TERJAMIN



SOROTAN FEBRUARI 2024

LAWATAN MENTERI KPKM KE PROJEK PENANAMAN PADI DI NEGERI JOHOR

5 FEBRUARI 2024

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan lawatan ke Sawah Ring, Tangkak, Johor.

Rombongan beliau disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, YB Dato' Zahari bin Sarip.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran padi negara, KPKM bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mengenal pasti kawasan bersesuaian dan berpotensi dengan anggaran keluasan sekitar 50 hektar bagi membolehkan Program SMART SBB Ala Sekinchan diperluaskan di negeri Johor secara berperingkat.

KPKM juga giat melaksanakan beberapa langkah drastik berteraskan Strategi PINTAR melalui inisiatif "Gelombang Padi" atau GP.

Sebagai menghargai komitmen Kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan lagi produktiviti hasil padi di negeri ini, KPKM akan menyalurkan peruntukan RM3 juta tahun ini melalui Pelan Pembangunan Industri Padi dan Beras iaitu "Periuk Nasi Selatan". KPKM juga sentiasa terbuka dan mengalu-alukan apa jua cadangan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak bagi mengangkat agenda keterjaminan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Pada majlis ini turut disampaikan *mock cheque* sejumlah RM531,000 bagi program Bantuan Tunai Fasa 2 Tahun 2023 yang dapat memanfaatkan 885 pesawah di negeri Johor dan 50 bakul makanan kepada golongan sasar seperti pesawah, peladang dan penternak di kawasan ini.

Majlis turut dihadiri YBhg. Datuk Azah Hanim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM; Ahli-ahli Yang Berhormat; Pegawai-pegawai kanan Persekutuan dan Negeri.



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH URUSAN EKSEKUTIF CGIAR KE ATAS YB MENTERI KPKM

6 FEBRUARI 2024

Consultative Group on International Agricultural Research (CGIAR) merupakan kumpulan Institut Penyelidikan antarabangsa yang memberikan penumpuan khusus kepada bidang penyelidikan untuk keterjaminan makanan, membasmi kemiskinan, menangani impak perubahan iklim serta mengatasi isu kemerosotan alam sekitar.

Pengarah Urusan Eksekutif CGIAR, Dr Ismahane Elouafi telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Wisma Tani, Putrajaya.

Kunjungan tersebut turut disertai oleh Dr Essam Yassin Mohammed, Ketua Pengarah Worldfish yang beribu pejabat di Pulau Pinang dan merupakan salah satu daripada 15 institut penyelidikan di bawah pentadbiran CGIAR yang memberi penumpuan terhadap penyelidikan dalam bidang perikanan dan akuakultur.

Kunjungan hormat ini dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara Kementerian dan CGIAR dalam memastikan keterjaminan bekalan makanan.

Turut hadir, YBhg. Dato' Haji Azahari bin Othman, Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur, En. Nazri bin Ishak, Pengarah Bahagian Dasar Perancangan Strategik, Dr. Mohd Shukri bin Mat Ali @ Ibrahim, Pengarah Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran serta pegawai-pegawai Perikanan Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia.

BENGKEL BIMBINGAN KHAS AGROPRENEUR MUDA AKUAKULTUR

7 Februari 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menganjurkan Bengkel Bimbingan Khas Agropreneur Muda Akuakultur di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Kuala Lumpur.

Bengkel ini dilaksanakan di bawah Program Agropreneur Muda, bertujuan untuk membimbing agropreneur muda yang berumur antara 18 hingga 40 tahun untuk memohon Geran Agropreneur Muda, iaitu bantuan KPKM dalam bentuk barangan dengan nilai maksimum RM20,000.00.

Unit Agropreneur Muda (UAM) menerajui pelaksanaan bengkel ini dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Agrobank turut dibantu oleh pemain industri iaitu Syarikat ARC Berkat Agrofood Sdn. Bhd.

Seramai 68 orang agropreneur muda daripada seluruh negara telah menghadiri bengkel ini.

Daripada keseluruhan peserta yang hadir 41.2% peserta adalah daripada Lembah Klang manakala 58.8% peserta daripada negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Terengganu.

Pelaksanaan Program Agropreneur Muda dapat membantu menjayakan matlamat menjamin sekuriti makanan negara menerusi penglibatan golongan muda dan pemerkasaaan subsektor akuakultur. KPKM menyasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak 500,000 metrik tan pada tahun 2024.

Pelaksanaan Program Agropreneur Muda dapat membantu menjayakan matlamat menjamin sekuriti makanan negara menerusi penglibatan golongan muda dan pemerkasaaan subsektor akuakultur. KPKM menyasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak 500,000 metrik tan pada tahun 2024.



LAWATAN KERJA MENTERI KPKM KE PROGRAM GELOMBONG PADI NEGERI SARAWAK

8 Februari 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini mengumumkan harga lantai belian padi ditetapkan kepada RM1,300 per tan metrik di Sabah dan Sarawak yang akan berkuatkuasa bermula 15 Februari.

Pengumuman dibuat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam rangka lawatan kerja rasmi beliau selama tiga hari ke Sarawak, diiringi Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Arthur Joseph Kurup bersama delegasi Pengurusan Tertinggi KPKM.

Selaras dengan hasrat KPKM untuk meningkatkan pengeluaran beras negara, langkah menyeragamkan harga minimum terjamin di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung mampu menyokong industri padi dan beras di Sarawak dan Sabah supaya terus kekal mampan, berdaya saing dan berupaya membantu menambah pendapatan pesawah sekaligus menggalakkan mereka untuk meningkatkan pengeluaran padi.

Penetapan harga lantai belian padi hanya melibatkan beras putih sahaja dan tidak termasuk beras istimewa atau tradisional yang dikeluarkan di Sabah dan Sarawak.

Selain itu, lawatan kerja ke Sarawak pada kali ini juga menyaksikan penyampaian pakej bantuan mekanisasi kepada syarikat-syarikat peneraju di bawah Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di Tanjung Bijat dan Koperasi Pertanian Sri Aman Berhad bernilai RM810,000.00 secara keseluruhan bagi menggiatkan lagi penanaman yang mengaplikasikan teknologi moden.

YB Menteri turut mengadakan lawatan ke tapak penanaman padi tradisional dan tapak Projek SMART SBB di Tanjung Bijat.

Majlis hari ini turut dihadiri Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Ismail, Pengerusi Sri Aman Development Agency (SADA), Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim, Ahli Parlimen Batang Lupa, Tuan Mohamad Shafizan Bin Haji Kepli, YB ADUN dan Pengurusan Tertinggi Persekutuan dan Negeri.



PERSIDANGAN SERANTAU FAO UNTUK ASIA DAN PASIFIK (APRC FAO)

22 Februari 2024

Malaysia merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Republik Sosialis Demokratik Sri Lanka dan Sekretariat Wilayah FAO di atas penganjuran persidangan serantau FOA untuk asia dan pasifik (APRC FAO). Penghargaan dan tahniah juga diberikan kepada Bangladesh atas penganjuran APRC FAO ke-36 pada tahun 2022 dan atas usahanya dalam memajukan industri pertanian dan sekuriti makanan secara keseluruhan.

Pada tahun 2022, sektor agromakanan Malaysia telah menyumbang 11.9 peratus kepada KDNK Malaysia, berjumlah RM47.5 bilion (USD 9.95 bilion). Ia menandakan peningkatan 3.6 peratus daripada tahun sebelumnya, dan ia mempamerkan daya tahan industri ini dalam keadaan persekitaran dunia yang amat mencabar pada ketika ini.

Bukti kejayaan Dasar Agromakanan Negara 2.0, yang telah menerajui sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan, dan dipacu teknologi seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN2.0), beberapa tindakan strategi untuk pelaksanaan industri-industri keutamaan dalam industri agromakanan di Malaysia telah digariskan seperti pengukuhan tumpuan dalam akuakultur, ruminan, jagung bijian, penglibatan belia, dan pemerkasaan latihan pertanian institut atau TVET Pertanian.

Bagi tahun 2024, penekanan kepada pembangunan empat (4) industri iaitu padi dan beras, ayam itik dan telur, bawang merah dan nanas dalam memastikan kemajuan yang berterusan untuk menangani cabaran keselamatan makanan dan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian.

Industri-industri yang telah diberikan keutamaan ini menumpukan kepada inovasi merentasi keseluruhan rantai nilai, bagi memastikan peningkatan dalam produktiviti.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan sektor pertanian yang inklusif dan mampan seterusnya menyumbang kepada matlamat pembangunan negara di samping memastikan kelestarian alam sekitar dan sekuriti makanan sentiasa terjamin untuk generasi akan datang.

Kejayaan masa depan Malaysia mengenai sektor agromakanan juga bergantung kepada kerjasama serantau dan perkongsian strategik antara penggubal dasar, pihak berkepentingan dalam sektor pertanian, penyelidik dan pemimpin industri untuk mewujudkan ekosistem yang mampan bagi memupuk transformasi komprehensif dalam sektor agromakanan.

Oleh itu, Malaysia menyeru FAO, dan ahli APRC untuk terus bekerjasama dalam mencari peluang baharu untuk kerjasama dan bertindak balas dengan efektif terhadap cabaran dalam sektor agromakanan di rantau ini.



MESYUARAT KHAS MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL) TAHUN 2024

23 Februari 2024

Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Tahun 2024 telah dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, turut dihadiri oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan serta Gabenor Bank Negara, selain wakil industri, wakil pengguna, wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik yang merupakan ahli-ahli NACCOL.

Kerajaan perlu terus memberi tumpuan penuh terhadap isu kos sara hidup yang masih membelenggu rakyat meskipun kadar inflasi semakin reda kepada 1.5% setakat Januari 2024.

Kendatipun bekalan dan harga Beras Putih Tempatan (BPT) dalam pasaran domestik secara umumnya terkawal, aduan berhubung isu bekalan BPT yang terhad masih diterima. Rakyat juga terkesan dengan kenaikan harga Beras Putih Import (BPI) di pasaran global berikutan larangan eksport yang dikenakan oleh negara pengeluar beras.

Campur tangan Kerajaan MADANI pada ketika ini amat kritikal dan perlu diputuskan segera bagi memastikan isu bekalan dan harga makanan ruji utama rakyat ini terus kekal stabil di pasaran.

Mesyuarat turut mendengar penjelasan terperinci berkaitan cadangan pelaksanaan Beras Putih Malaysia MADANI.

Pada masa sama, beberapa wakil industri dan NGO antaranya yang mewakili pesawah dan pengilang turut menyuarakan beberapa cadangan dan pandangan berhubung situasi padi dan beras negara, khususnya bagi memastikan ketersediaan beras pada harga yang munasabah kepada rakyat.

Selepas mendengar dan mengambil kira semua pandangan, mesyuarat mengambil ketetapan agar Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengetuai dan menyelaras sesi libat urus secara lebih terperinci sesegera mungkin.

Libat urus ini perlu mengambil kira harga belian padi, faktor bekalan, harga beras import dunia, kemampan bekalan beras tempatan serta kesan kepada pengguna.

Hasil libat urus ini akan dibentangkan dan dimuktamadkan dalam Mesyuarat NACCOL pada 20 Mac 2024 sebelum diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Dalam tempoh itu, program jualan murah termasuk Jualan Rahmah, Jualan Agro Madani dan lain-lain perlu diperbanyakkan supaya rakyat dapat membeli barangan keperluan harian, termasuk beras pada harga lebih rendah berbanding di pasaran. Jadual pelaksanaan jualan-jualan murah ini akan dihebahkan secara kerap.

Pada masa sama, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) juga bersetuju untuk mempertimbang semula penawaran harga Beras Putih Import (BPI) dalam pasaran domestik supaya BPI boleh dijual pada harga lebih rendah, sekali gus mewujudkan alternatif kepada rakyat untuk mendapatkan beras dengan harga yang lebih berpatutan.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM MADANI RAKYAT TAHUN 2024 ZON TENGAH KUALA SELANGOR

25 FEBRUARI 2024

Majlis Perasmian Penutupan Program MADANI Rakyat Tahun 2024 Zon Tengah, bertempat di Kompleks Sukan, Kuala Selangor, telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri.

Beliau diiringi YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor; YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak; YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan; YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan; YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan); YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan; YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Dalam majlis ini, YAB Perdana Menteri telah menyampaikan amanat serta mengadakan sesi dialog Malaysia MADANI bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Menteri Besar Perak dan YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Satu langkah positif untuk meningkatkan sektor pertanian di Negeri Selangor, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah menyempurnakan sesi Pertukaran Memorandum Persefahaman bagi Pelaksanaan Program Pembangunan Projek Pertanian dan Agromakanan. Fokus program ini adalah untuk mengoptimumkan pemanfaatan tanah.

Turut menjadi sorotan, Bantuan Manfaat Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR) yang telah disalurkan kepada penerima dari Negeri Selangor, Perak dan Kuala Lumpur.

SIKR ini bertujuan untuk memberikan perlindungan insurans selama 12 bulan kepada golongan miskin yang diharapkan dapat membantu mereka menghadapi risiko yang tidak dijangka. Langkah ini sekaligus memastikan kebajikan masyarakat akan terus terpelihara dalam kondisi ekonomi yang mencabar.



MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM PELADANG MUDA NASIONAL 2024

27 FEBRUARI 2024

Majlis Perasmian Simposium Peladang Muda Nasional 2024 sempena Sambutan Ulang Tahun Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ke-51 telah dilaksanakan dengan penuh gemilang oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB. Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu.

Kehadiran usahawan muda dan pemimpin Pertubuhan Peladang dari seluruh negara telah mencipta satu kebanggaan dan membuka lembaran baru dalam industri serta merapatkan kerjasama di kalangan mereka.

Lebih daripada 600 peserta dari seluruh negara, termasuk Sabah, Sarawak, turut menyertai majlis ini. YB Menteri turut melancarkan program *Family Farming* yang menjalin satu rantaian nilai dalam pengurusan aktiviti pertanian untuk memberikan nilai tambah kepada produk hiliran berasaskan industri makanan dan pemasaran.

Majlis ini disemarakkan dengan penyampaian Anugerah Peladang Pintar kepada Encik Mohd Farish Bin Ahmad, Usahawan dari PPK Bruas, Perak. Turut hadir pada majlis ini, Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Pengerusi LPP, YBhg. Dato' Wira Haji Mahfuz bin Haji Omar, dan Ketua Pengarah LPP, YBhg. Dato' Azulita binti Salim turut hadir memeriahkan majlis bersama para pemimpin utama Pertubuhan Peladang dan wakil dari KADA, MADA, NAFAS, serta Pengurus Besar dan Pengerusi LPP seluruh Negara.





**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



**MALAYSIA
MADANI**



@kpkmmalaysia

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN**

WISMA TANI, PRESINT 4,
62624 PUTRAJAYA

www.kpkmm.gov.my

BuletinAgro